

22 NOV 1999

Rahim-Khidmat

KINI ZAMAN KEBANGKITAN RAKYAT KELANTAN, KATA RAHIM

PASIR MAS, 22 Nov (Bernama) -- Tokoh korporat Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman yakin Barisan Nasional (BN) akan mencapai kemenangan di Kelantan dalam pilihan raya umum ke-10, 29 Nov ini kerana rakyat kini semakin berminat terhadap wawasan pucuk pimpinan BN.

Abdul Rahim, 60, yang lebih dikenali sebagai tokoh korporat berjaya setelah menubuhkan Rahim & Co, firma penilai dan pengurusan hartanah di Kuala Lumpur pada 1976, ialah calon BN bagi kerusi negeri Pengkalan Pasir dalam kawasan Parlimen Pasir Mas. Beliau akan menghadapi anggota exco kerajaan negeri, Haji Hassan Abdullah dari PAS.

"Sekarang ini zaman kebangkitan rakyat (untuk menyokong BN) di Kelantan," katanya.

Abdul Rahim berkata tempoh sembilan tahun di bawah pemerintahan PAS yang mempergunakan agama untuk mendapat sokongan rakyat telah membuatkan Kelantan tertinggal 10 tahun daripada arus pembangunan negara.

Selain itu, katanya Kelantan juga mencatat angka kemiskinan tertinggi di negara ini sedangkan 95 peratus daripada penduduknya adalah Melayu.

Dan Kelantan sebenarnya kaya dengan sumber alam seperti gas tetapi kerajaan PAS tidak mampu untuk mengusahakannya bagi kepentingan rakyat, katanya.

"Kalau BN dipilih, kita akan tentukan perkara-perkara ini dapat dieksploitasikan untuk kepentingan rakyat," katanya kepada Bernama di bilik gerakan pilihan rayanya di sini hari ini.

Mengenai pemilihannya sebagai calon, Abdul Rahim berkata beliau menyertai politik dan menjadi calon semata-mata kerana ingin berkhidmat kepada masyarakat.

"Saya masuk politik semata-mata kerana saya percaya kepada perjuangan Umno dan perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang berwawasan dan yang memberi kesejahteraan kepada kepentingan rakyat pelbagai kaum," katanya.

Ditanya sama ada kesibukan sebagai ahli perniagaan akan menjejaskan tumpuannya kepada masyarakat, Abdul Rahim berkata tumpuannya telah lama difokuskan kepada masyarakat walaupun sibuk sebagai ahli perniagaan.

Beliau ialah timbalan ketua Umno bahagian Pasir Mas sejak 1992 dan pernah menjadi bendahari Badan Perhubungan Umno negeri sehingga tiga tahun lepas.

Katanya dalam era teknologi informasi (IT) kini beliau tidak perlu berada di pejabatnya di Kuala Lumpur kerana dapat melakukan komunikasi dengan pejabat dan rakan niaganya di seluruh dunia dengan mudah.

-- BERNAMA

KHY RON